



YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT BERSAMA YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA

YKN Sambut baik usaha murni syarikat korporat membantu mangsa banjir

PUTRAJAYA, 22 Disember- Kenyataan ini bagi menjawab isu sekeping gambar tular di media sosial yang mandakwa satu majlis bantuan banjir dijalankan di sebuah hotel sejak beberapa hari lepas.

YKN ingin menjelaskan bahawa program tersebut merupakan sebuah program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Shapadu Group untuk membantu mangsa-mangsa yang terkesan dalam bencana banjir yang melanda beberapa negeri di Malaysia.

YKN telah dijemput menerima sumbangan daripada Shapadu Group yang bermurah hati menyumbang wang tunai berjumlah

RM150,000 kepada YKN, di premis hotel milik Shapadu Group, Hotel The Grand Campbell, Kuala Lumpur.

Selain sumbangan wang tunai, sukarelawan Thermomix pula bergotong-royong menyediakan 1000 pek makanan untuk mangsa banjir di hotel tersebut selain sumbangan bernilai RM69,880.

Bantuan tersebut telah diserahkan kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rina Mohd Harun yang merupakan Pengerusi YKN sebelum beliau bergegas ke beberapa Pusat Pemindahan Sementara (PPS) untuk menyampaikan bantuan yang telah disalurkan.

YKN menghargai dan berterima kasih atas setiap usaha murni syarikat-syarikat korporat dalam menghulurkan sumbangan berbentuk wang tunai, pek makanan bermasak, makanan kering dan sebagainya sebagai usaha berterusan membantu mereka yang terkesan dalam mendepani bencana banjir yang kritikal dan mengejutkan seluruh negara ini.

YKN tidak mempunyai sumber kewangan yang tetap dan bagi memastikan dana yang mencukupi, YKN sentiasa mengalu-alukan sumbangan derma daripada individu, syarikat swasta dan sebagainya.

YKN juga sentiasa mengamalkan konsep terbuka dalam menerima sumbangan mengikut kesesuaian pihak penaja atau syarikat korporat yang ingin memberi sumbangan.

Sumbangan kepada mangsa banjir boleh disalurkan kepada **Tabung Bantuan Banjir Keluarga Malaysia YKN di No akaun: 160140010004801 (Alliance Islamic Bank Berhad)** atau hubungi urusetia YKN di talian 03 83232143/2430.

Semua sumbangan derma kepada YKN akan dikecualikan daripada cukai seperti yang telah diwartakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) melalui Warta Kerajaan Bil. No.1069 bertarikh 4hb Mac 1982.

YKN berharap kecaman dan tohmahan terhadap usaha murni membantu mangsa-mangsa banjir dihentikan sebaliknya masyarakat memberi fokus ke atas usaha untuk membantu mereka yang dalam kesusahan.

###

**Dikeluarkan oleh Yayasan Kebajikan Negara
22 Disember 2021**